

01 DEC 2000

YPEIM-Skim

YPEIM PERKENAL TIGA SKIM BARU BAGI MUDAHKAN AMALAN JARIAH

KUALA LUMPUR, 1 Dis (Bernama) -- Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YPEIM) hari ini memperkenalkan tiga lagi produk baru bagi menggalak dan memudahkan masyarakat melaksanakan amalan jariah melalui pendekatan teknologi terkini.

Pelancaran Skim E-Jariah, Skim Tele-Jariah dan Skim Auto-Jariah menjadikan YPEIM antara institusi sosio-ekonomi yang terawal di negara ini memperkenalkan kaedah multimedia dalam menggembeleng sumber dana dari masyarakat.

Pada majlis yang sama, yayasan itu juga melancarkan dua skim utama sedia ada iaitu Skim Potongan Gaji dan Skim Korporat Penyayang.

Pelancaran skim-skim ini dilakukan serentak dengan pelancaran Kempen Beramal Jariah peringkat Nasional oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Kompleks Pusat Islam di sini.

Melalui Skim E-Jariah, penyumbang yang mempunyai kemudahan Internet hanya perlu melayari halaman web E-Jariah iaitu www.e-jariah.com.my atau melayari halaman web YPEIM di www.ypeim.net.my dan melalui institusi kewangan yang dikenalpasti seperti www.maybank2u.com.

Sumbangan boleh dibuat secara sekali bayaran, bulanan atau tahunan melalui potongan kad kredit.

Penyumbang juga diberi pilihan membuat sumbangan melalui Skim Tele-Jariah dengan mendail talian info 600-86-7757 atau melalui perkhidmatan Kawanku Phone Banking (Maybank).

Setiap panggilan akan dikenakan caj dan ianya merupakan sumbangan kepada Kumpulan Wang Amal Jariah YPEIM.

Skim Auto-Jariah pula memberi pilihan kepada penyumbang menggunakan kemudahan institusi kewangan yang dikenalpasti seperti kemudahan Maybank Auto Debit dan Arahan Tetap Bank Islam (M) Bhd (BIMB).

Pemegang Kad Smart BIMB boleh membuat sumbangan melalui rangkaian Auto Teller Machine (mesin ATM) BIMB di seluruh negara.

Skim E-Jariah, Skim Tele-Jariah dan Skim Auto-Jariah dibangunkan dengan kerjasama institusi-institusi yang terbabit secara langsung dalam bidang berkenaan termasuk Maybank, Bank Islam (M) Bhd dan Syarikat Telekom (M) Bhd.

Skim Potongan Gaji yang diperkenalkan sejak Januari 1985 pula menjadi saluran bagi kakitangan bergaji tetap sektor awam dan swasta memberi sumbangan dengan memberi persetujuan gaji bulanan mereka dipotong sekurang-kurangnya RM1 sebulan melalui majikan masing-masing.

Skim Korporat Penyayang yang dimulakan sejak April 1997 pula adalah saluran kepada tokoh dan badan korporat memberi sumbangan secara berterusan atau dengan membiayai atau menaja program yang ditawarkan di bawah pakej amal jariah untuk tempoh sekurang-kurangnya lima tahun.

-- BERNAMA

RV GM RON